

Terima Kasih

Pembayar Cukai

Andalah Wira Negara



1. PEMAKLUMAN MELALUI EMEL DARIPADA LHDNM

Aktiviti *e-mail blast* merupakan salah satu saluran yang dilaksanakan oleh LHDNM bagi menyampaikan maklumat percukaian yang lebih pantas kepada pembayar cukai mengikut kategori yang telah ditetapkan.

Penghantaran emel menggunakan alamat noreply_contactcentre@hasil.gov.my ini turut melibatkan aktiviti pengutusan cukai seperti :

- Notis Arahan Potongan Gaji (CP38)
- Notis bayaran ansuran cukai bagi individu selain penggajian (CP500)
- Notis bayaran ansuran cukai syarikat (CP204)
- Makluman Tunggakan Baki Cukai Pendapatan

Semakan kedudukan cukai terkini boleh dirujuk melalui e-Lejar dalam MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my/>.

2. SEKATAN PERJALANAN

Perakuan (Sijil) Sekatan Perjalanan akan dikuatkuasakan kepada individu/pengarah syarikat yang **mempunyai tunggakan** cukai pendapatan, Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) dan cukai syarikat.

Pembatalan atau pelepasan sementara sekatan

perjalanan hanya akan diberikan sekiranya langkah berikut diambil :

Pembatalan Sekatan Perjalanan

Pembayar cukai menjelaskan amaun SEPENUHNYA tunggakan mengikut perakuan.

Pelepasan Sementara

- Bayaran minimum 50% daripada amaun dalam perakuan telah dibuat
- Pembayar cukai atau wakil perlu menghubungi cawangan LHDNM yang mengendalikan fail pembayar cukai sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh perjalanan
- Kemukakan surat permohonan yang mengandungi maklumat destinasi, tujuan dan tempoh di luar negara.

Surat pelepasan sementara akan dikeluarkan dengan menyatakan tempoh pelepasan sementara yang diberikan.

Pembayar cukai disarankan untuk menyemak status sekatan perjalanan sebelum ke luar negara melalui pautan <http://sspi.imi.gov.my/sspi/>.

Sila hubungi Hasil Recovery Call Centre (HRCC) di talian 03-87511000 atau cawangan LHDNM yang mengendalikan fail cukai bagi sebarang persoalan lanjut.

3. PAMPASAN DAN GANJARAN YANG DIKECUALIKAN CUKAI

Perbezaan antara pampasan dan ganjaran perlu difahami memandangkan terdapat situasi jenis pendapatan ini dikecualikan cukai sepenuhnya atau sebahagian sahaja seperti berikut :

	PENGECEUALIAN PENUH	PENGECEUALIAN SEBAHAGIAN
PAMPASAN Ketetapan Umum No.1/2012: http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KU1_2012.pdf	Bayaran dilakukan kerana kehilangan pekerjaan disebabkan gangguan kesihatan	Had Pengecualian sebanyak RM10,000 bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama untuk pampasan yang diterima SELAIN daripada kehilangan pekerjaan disebabkan gangguan kesihatan. Bagi Tahun Taksiran 2020 dan 2021 Had pengecualian dinaikkan kepada RM20,000 bagi setiap tahun lengkap perkhidmatan dengan majikan yang sama atau dengan syarikat dalam kumpulan yang sama untuk pampasan yang diterima SELAIN daripada kehilangan disebabkan gangguan kesihatan. (Helaian Kerja HK-2.7)
GANJARAN Ketetapan Umum No.9/2016: http://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/KU9_2016.pdf	Ganjaran dibayar: • Disebabkan persaraan wajib perkhidmatan • Disebabkan persaraan awal kerana gangguan kesihatan • Daripada kumpulan wang awam • Kepada pegawai kontrak • Disebabkan kematian Nota: Tertakluk kepada kelulusan LHDNM	Bagi ganjaran yang dibayar: • Apabila bersara daripada suatu penggajian; atau • Perberhentian suatu kontrak penggajian SELAIN daripada ganjaran yang layak diberikan PENGECEUALIAN PENUH , layak diberi pengecualian sebanyak RM1,000 bagi setiap tahun genap perkhidmatan. (Helaian Kerja HK-2.2) Nota: Tertakluk kepada kelulusan LHDNM

Helaian kerja ini boleh diakses daripada Portal Rasmi LHDNM, www.hasil.gov.my > Borang > Muat Turun > Individu.

4. KE MANAKAH CUKAI ANDA DIBELANJAKAN ?

Tahukah anda, kerajaan menggunakan cukai yang dibayar untuk membiayai kemudahan dan bantuan kepada rakyat melalui pelbagai plan pemulihan seperti:

- Pelan dan Pakej Ekonomi Nasional : PRIHATIN, PERMAI, PENJANA, Pelan Pemulihan Negara (PPN)
- Bantuan Khas Kerajaan : Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) / Bantuan Prihatin Nasional (BPN) / Geran Khas Prihatin (GKP) / Bantuan Khas Covid-19 (BKC)
- Program Khas Kerajaan: Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICK)

Sebagai contoh, pelaksanaan pakej PEMULIH di bawah PPN tertumpu kepada tiga (3) fokus utama :

- Meneruskan Agenda Prihatin Rakyat
- Menyokong Perniagaan
- Meningkatkan Vaksinasi

Setiap tahun, lebih 43% kutipan cukai pendapatan disumbangkan untuk mentadbir, mengurus dan perbelanjaan membangunkan negara, termasuk membiayai perbelanjaan pengurusan bagi sektor-sektor seperti di bawah :



Terima kasih kepada anda yang melaksanakan tanggungjawab sebagai pembayar cukai demi kelangsungan negara dan generasi masa hadapan. Andalah WIRA Negara !